

TARIKH	ISNIN, 29 DISEMBER 2025
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	MYSTEP DITERUSKAN BERI HARAPAN GOLONGAN SASAR
M/S	5
BIDANG	CIVIL SERVICE, MANAGEMENT
KATA KUNCI	WORK, PERSONNEL

MySTEP diteruskan beri harapan golongan sasaran

Putrajaya: Keputusan kerajaan meneruskan Malaysia Short-Term Employment Programme atau MySTEP pada 2026 wajar bagi membuka peluang pekerjaan jangka pendek kepada graduan, termasuk orang kurang upaya (OKU) dan warga emas.

Pakar pekerja golongan OKU, Dr Wan Arnidawati Wan Abdullah yang juga Ketua Laboratori Gerontologi Sosial, Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia MyAgeing Universiti Putra Malaysia (UPM), berkata MySTEP memberi peluang awal kepada OKU untuk membina keyakinan, kemahiran asas dan rekod pekerjaan. "Ramai OKU bukan kekurangan kebolehan tetapi kekurangan peluang untuk membuktikan keupayaan mereka."

"Bagi warga emas, penyertaan MySTEP mencerminkan keperluan menilai semula peranan mereka dalam pasaran kerja. Dengan penyesuaian tugas dan waktu kerja, program ini boleh menyokong penyertaan ekonomi," katanya semalam.

Wan Arnidawati bagaimanapun, berkata kejayaan MySTEP bergantung sokongan selepas penempatan termasuk bimbingan pekerjaan dan kefahaman majikan terhadap keperluan OKU dan warga emas.

"Program ini perlu dilihat sebagai sebahagian daripada ekosistem sokongan pekerjaan yang lebih menyeluruh. Kerajaan bukan hanya diukur melalui bilangan pengambilan, tetapi juga kualiti pengalaman kerja," katanya.

Nordiana Mohd Samsul, 28, berkata langkah meneruskan inisiatif itu memberi harapan baharu kepada golongan sasaran yang merancang untuk memohon menyertainya bagi menimba pengalaman bekerja dalam sektor awam.

Anak kelahiran Kota Bharu, Kelantan yang mengalami kecederaan kekal pada tangan kanan akibat kemalangan jalan raya tahun lepas berkata program MySTEP membuktikan golongan OKU turut diberi ruang dan kepercayaan untuk menyumbang kepada sektor awam.

"Walaupun tempohnya singkat, peluang seperti ini penting untuk saya bina pengalaman dan keyakinan diri. Sekurang-kurangnya ada ruang untuk saya mencuba," katanya.

DISEDIAKAN OLEH	1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S12), BPM 2-UNIT PERPUSTAKAAN, BPM
-----------------	--